



Headline: Pesara wanita rugi RM128,037 kena perdaya Language: Malay  
Macau Scam

Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 25 December 2022

Section: Nasional  
Page: 22

# Pesara wanita rugi RM128,037 kena perdaya Macau Scam

**Kuantan:** Seorang pesara wanita kerugian RM128,037 selepas diperdaya Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Mahkamah Pulau Pinang, pada 14 Disember lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata berdasarkan laporan, wanita berusia lingkungan 60-an itu menerima panggilan telefon daripada suspek terbabit.

Katanya, suspek mendakwa mangsa mempunyai saman mahkamah kerana tidak membayar tunggakan Touch N Go sebanyak RM11,800.

“Panggilan mangsa disambungkan kepada beberapa individu yang menyamar sebagai polis dan individu terbabit memberitahu mangsa mempunyai rekod kes jenayah.

“Mangsa kemudian diminta untuk memindahkan wang bagi


mengelakkan akaun mangsa dibekukan.

“Mangsa kemudian mengikut arahan suspek yang menyebabkan kerugian sebanyak RM128,037,” katanya semalam.

Ramli berkata, polis menasihati orang ramai supaya sentiasa berwaspada dengan panggilan telefon daripada individu yang tidak dikenali.

Katanya, pada masa sama, membuat semakan terperinci terlebih dahulu sebelum bertindak.

“Orang ramai juga dinasihatkan supaya jangan sesekali membenarkan akaun bank digunakan oleh orang lain atau menyerahkan kad mesin juruwang automatik (ATM) atau nombor TAC (kod pengaktifan transaksi selamat) kepada pihak lain untuk digunakan bagi apa saja urusan,” katanya.



Ramli Mohamed Yoosuf